

30 JUN 1998

Mahathir-KLIA

MASALAH DI KLIA DIATASI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata usaha sedang dilakukan untuk mengatasi masalah yang timbul pada hari pertama operasi Lapangan Terbang KL (KLIA) di Sepang hari ini.

Perdana Menteri berkata masalah itu termasuk kerosakan sistem komunikasi sehingga menyebabkan penerbangan terlewat berlepas, sistem daftar masuk terpaksa dijalankan secara manual dan ada penerbangan yang berlepas tanpa bekalan makanan.

Bagaimanapun, menurut Dr Mahathir, masalah itu tidak menimbulkan "komplikasi yang serius" dan semua langkah sedang diambil untuk mengatasinya.

"Ada juga lapangan terbang baru yang dibuka tetapi tidak dapat berfungsi langsung," kata beliau kepada pemberita selepas diberi taklimat mengenai operasi hari pertama KLIA hari ini sekembalinya dari Pulau Langkawi.

KLIA yang dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tunku Ja'afar Sabtu lepas memulakan operasinya pada 7 pagi tadi dengan Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menaiki pesawat Boeing 777 Penerbangan Malaysia yang merupakan penerbangan berjadual pertama menggunakan KLIA. Mereka diiringi oleh Pengerusi MAS Tan Sri Tajudin Ramli ke Langkawi.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik bagi pihak kementerian memohon maaf kepada penumpang yang ketinggalan penerbangan atau yang penerbangan mereka terlewat berlepas.

Dr Mahathir berkata kerosakan dalam talian sistem komunikasi bermula awal pagi menyebabkan beberapa bahagian tidak dapat saling berhubungan.

"Akibatnya, berlaku kelewatan penerbangan, bekalan makanan tak dapat dibuat dan ada penerbangan yang tidak dibekalkan dengan makanan.

"Tetapi sekarang ini semua itu telah dikenal pasti apa yang salah dan diharap dalam satu atau dua jam lagi masalah komunikasi dapat diselesaikan," katanya.

Dr Mahathir berkata disebabkan lapangan terbang itu besar, lebih banyak papan tanda akan dipasang bagi membantu orang ramai.

Jurupandu akan disediakan malam ini bagi membawa penumpang ke pintu berlepas, katanya.

Ketika ditanya sama ada terdapat sistem sokongan jika berlaku kerosakan komunikasi, Perdana Menteri berkata : "Sepatutnya ada tetapi apa yang mereka lakukan ialah menggunakan telefon bimbit mereka."

Dr Mahathir berkata beliau berharap komplikasi tidak akan berlaku walaupun beliau memang menjangka perkara seperti itu akan terjadi.

"Jadi, apabila saya diberitahu ada panggilan daripada Tajudin, saya pasti ada yang tidak kena," kata beliau.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, walaupun terdapat masalah-masalah itu, penerbangan masih dapat berlepas dan mendarat yang menunjukkan bahawa menara kawalan berfungsi seperti yang sepatutnya.

Tajudin berkata tidak sampai 10 penerbangan dalam negeri dan antarabangsa terlewat bagi tempoh purata satu jam.

Pada persidangan berita berasingan, Ling berkata beberapa penumpang menemui beliau untuk membantah kerana terpaksa menghadapi masalah seperti menunggu antara tiga dan empat jam untuk mendapatkan bagasi mereka.

"Penumpang-penumpang ini marah kerana mereka datang dengan tanggapan yang tinggi," katanya.

Ling berkata pelbagai jabatan telah dapat bekerjasama dalam tempoh yang

singkat untuk melincinkan perjalanan operasi KLIA.
-- BERNAMA
MAM RAZ MAI